Pendakwa Raya lwn Synenviro Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-28 TAHUN 2010 DAN 42S-31 TAHUN 2010
SAMSUDIN HASSAN PK
27 JUN 2011

Undang-Undang Alam Sekitar — Akta Kualiti Alam Sekeliling — Kesalahan — Menerima buangan terjadual tanpa kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Elemen-elemen untuk membuktikan kes prima facie — Sama ada kes prima facie terbukti — Sama ada elemen mens rea terbukti — Tertuduh tiada pengetahuan bahawa barangan yang diimpot adalah larangan terjadual — Pembelaan berjaya membangkitkan keraguan munasabah — Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 s 34B(1)(b) & (4) — Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 Jadual Pertama

Undang-Undang Jenayah — Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Menerima buangan terjadual tanpa kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling — Elemen-elemen untuk membuktikan kes prima facie — Sama ada kes prima facie terbukti — Sama ada elemen mens rea terbukti — Tertuduh tiada pengetahuan bahawa barangan yang diimpot adalah larangan terjadual — Pembelaan berjaya membangkitkan keraguan munasabah — Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 s 34B(1)(b) & (4) — Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 Jadual Pertama

Synenviro Sdn Bhd ('Synenviro') telah dituduh menerima buangan terjadual di bawah Kod N204, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 di dalam kontena bernombor EMCU 3353420 dan UGMU8672697 tanpa mendapat apa-apa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling dan dengan itu dikatakan telah melakukan kesalahan di bawah s 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ('Akta tersebut') dan boleh dihukum di bawah s 34B(4) Akta yang sama. Hakim mahkamah sesyen telah mengenakan denda RM50,000 ke atas Synenviro dan telah memerintahkan Jabatan Alam Sekitar ('JAS') bekerjasama dengan Synenviro untuk melupuskan sisa di dalam kontena di Unit Impot Kastam Pasir Gudang. Pendakwa raya telah merayu terhadap keputusan ini. Synenviro pula telah merayu balas terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Menurut pihak pendakwa raya, hukuman denda RM50,000 tersebut tidak setimpal dan hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila memberikan perintah untuk JAS bekerjasama dalam proses pelupusan sisa tanpa

menjelaskan secara spesifik peruntukan yang diguna pakai dan tahap kerjasama JAS.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Pihak pendakwaan perlu membuktikan satu kes 'prima facie' di akhir kes pendakwaan. Di peringkat ini bagi kesalahan di bawah s 34B(1)(b) Akta tersebut, elemen-elemen yang perlu dibuktikan adalah: (i) bahawa Synenviro telah menerima atau menyebabkan, atau membenarkan diterima 'buangan terjadual'; (ii) bahawa 'buangan terjadual' ini diimport ke dalam Malaysia; (iii) bahawa barang diimport ialah 'buangan terjadual'; dan (iv) bahawa 'buangan terjadual' ini diimport masuk ke Malaysia tanpa apa-apa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah (lihat perenggan 8).

(2) Borang Kastam 1 (P17), Borang *Container Delivery Note* (CDN) No 074208 (P18), Borang *Container Delivery Note* (CDN) No 074207 (P19) dan *Bill of Lading* (P20) dengan jelas dan konsisten menyatakan pengimport atau *consignee* ialah Synenviro (lihat perenggan 9).

(3) Dengan adanya P17, P18, P19 dan P20 yang merupakan dokumen import maka terbuktilah barangan dalam kontena bernombor EMCU 3355420 dan UGMU 8672697 telah dianggap diimport ke dalam Malaysia walaupun secara fizikalnya barangan tersebut masih ditempatkan di 'free zone' (lihat perenggan 11).

(4) SP2 menerusi laporannya (P8) telah menyatakan bahawa copper, *nickel and iron are mentioned in the schedule of* Akta Kualiti Alam Sekeliling. SP2 dan SP3 adalah pakar dalam bidang masing-masing dan keterangan SP2 dan SP3 bahawa kandungan kontena-kontena tersebut adalah barangan berjadual N204 diterima (lihat perenggan 15).

(5) Tidak ada keterangan membuktikan penerimaan buangan terjadual oleh Synenviro di dalam kontena-kontena berkenaan mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Malahan SP11 selaku pegawai penyiasat telah mengesahkan dalam keterangannya bahawa Synenviro telah tidak diberi kebenaran untuk membawa masuk bahan berkenaan di bawah Akta tersebut (lihat perenggan 20).

(6) Pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan 'credible evidences' membuktikan 'each ingredient of an offence' dalam kes ini di bawah s 34B(1)(b) Akta tersebut (lihat perenggan 22).

(7) Oleh kerana Synenviro dituduh bersendirian maka elemen 'mens rea' perlulah dibuktikan tetapi mestilah 'implicitly' melalui keterangan pengikraran oleh Synenviro sebagai pengimport atau *consignee* barangan di dalam P17, P18, P19 dan P20 (lihat perenggan 30).

(8) Kes pihak pembelaan bukanlah sewenang-wenangnya berkata kosong

atau apa saja tetapi disokong oleh keterangan pengarah-pengarah syarikatnya SD1 dan SD5 dan saksi-saksi lain SD2, SD3 dan SD4 berserta dokumen-dokumen berkecuali lain yang jelas menunjukkan mereka ini memang 'naive' dan tidak mempunyai pengetahuan tentang jenis barangan yang diimpot daripada Taiwan tersebut adalah merupakan larangan terjadual. Pembelaan telah berjaya membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan dengan itu juga pendakwaan gagal membuktikan pada keseluruhannya satu kes melampaui keraguan munasabah terhadap Synenviro di bawah s 34B(1)(b) Akta tersebut (lihat perenggan 40).

[English summary

Synenviro Sdn Bhd ('Synenviro') was charged with accepting scheduled waste under Code N204, First Schedule, Environment Quality ('Scheduled Waste') Regulations 1989 in a container with numbers EMCU 3353420 and UGMU8672697 in the absence of any written approval from the Director General of Environmental Quality and had thus alleged to have committed an offence under s 34B(1)(b) of the Environmental Quality Act 1974 ('the Act') and punishable under s 34B(4) of the same Act. The sessions court judge imposed a fine of RM50,000 on Synenviro and ordered that the Department of Environment ('DOE') co-operated with Synenviro to dispose the waste in the container at Pasir Gudang Customs Import Unit. The prosecution appealed against the decision. Synenviro cross appealed against the conviction and sentence. According to the prosecution, the fine of RM50,000 was not adequate and the sessions court judge had erred when giving the order that JAS co-operate in the process of disposing the waste without explaining specifically the provision applicable and the level of co-operation by JAS.

Held, allowing the appeal:

(1) The prosecution must prove a prima facie case at the end of the prosecution. At this stage for the offence under s 34B(1)(b) of the Act the elements to be proved was: (i) that Synenviro had accepted or caused, or allowed to accept 'scheduled waste'; (ii) that the 'scheduled waste' was imported into Malaysia; (iii) that the goods imported were 'scheduled waste'; and (iv) that the 'scheduled waste' was imported into Malaysia without any written approval from the Director General (see para 8).

(2) The Customs Form 1 (P17), Container Delivery Note Form CDN No 074208 (P18), Container Delivery Note Form (CDN) No 074207 (P19) and Bill of Lading (P20) clearly and consistently stated the importer or the consignee was Synenviro (see para 9).

(3) The presence of P17, P18, P19 and P20 which were import documents were proof that the goods in the container Nos EMCU 3355420 and

UGMU 8672697 were presumed to be imported into Malaysia although physically the goods were still stored at the free zone (see para 11).

(4) SP2 through his report ('P8') stated that the copper, nickel and iron are mentioned in the schedule of the Environmental Quality Act. SP2 and SP3 were experts in their respective fields and the evidence of SP2 and SP3 that the content of the containers were scheduled waste N204 were acceptable (see para 15).

(5) There were no evidence to prove that the acceptance of the scheduled waste by Synenviro in the containers were with written approval from the Director General of Environmental Quality. In fact, SP11 as the investigating officer had confirmed in his testimony that Synenviro had not been granted the permission to bring in the products under the Act (see para 20).

(6) The prosecution had successfully adduced credible evidence showing each ingredient of an offence in this case under s 34B(1)(b) of the Act (see para 22).

(7) As Synenviro was charged by itself thus the element of mens rea must be proved but it must be implicitly by the evidence of oath by Synenviro as the importer or consignee of the goods in P17, P18 P19 and P20 (see para 30).

(8) The prosecution's case was not arbitrary or unreasonable but corroborated by the testimony of its company directors SD1 and SD5 and other witnesses SD2, SD3 and SD4 as well as other independent documents which clearly showed that they were naïve and did not have the knowledge of the goods imported from Taiwan were the scheduled prohibited goods. The defence has successfully raised reasonable doubt against the prosecution case and therefore the prosecution had failed to establish as a whole, a case beyond reasonable doubt against Synenviro under s 34B(1)(b)) of the Act (see para 40).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kesalahan alam sekitar, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 2548.

Untuk kes-kes mengenai akta kualiti alam sekeliling secara am, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 858-859.

Kes-kes yang dirujuk

Brend v Wood 62 TLR 462 (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
Ho Seng Seng v Rex [1951] MLJ 225 (dirujuk)
Lim Chin Aik v Regina [1963] 3 MLJ 50 (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 AMR 321, MP (dirujuk)

A *Mohamed Radhi bin Yaacob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 32(i)
B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ss 34B(1)(b), (4), 43(1), (2)
Akta Syarikat 1965
Akta Taksiran 1948 dan 1967
Kanun Acara Jenayah s 180
Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 Jadual
C Pertama s 180
Singapore Immigration Ordinance ss 6, 9, 57

Umar Saifuddin (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-undang) bagi pihak pendakwa raya perayu.
D *RK Menon (RK Menon & Co) bagi pihak respondan.*

Samsudin Hassan PK:

PENDAHULUAN

E

[1] Ini adalah rayuan oleh pendakwa raya sebagai perayu dalam Kes No 42H-28 Tahun 2010 terhadap keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah 2 Johor Bahru mengenakan denda RM50,000 ke atas Synenviro Sdn Bhd sebagai responden kerana melakukan kesalahan menerima buangan
F terjadual tanpa mendapat apa-apa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di bawah s 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum di bawah s 34B(4) Akta yang sama serta juga memerintahkan Jabatan Alam Sekitar bekerjasama dengan responden untuk melupuskan sisa di dalam kontena di Unit Impot Kastam Pasir Gudang.

G

[2] Synenviro Sdn Bhd pula sebagai perayu dalam Kes No 42S-31 Tahun 2010 memfailkan rayuan balas terhadap keputusan tuan hakim mahkamah sesyen yang sama kerana mensabitkan dan menghukumkannya kerana atas kesalahan di bawah seksyen yang sama dinyatakan di atas tadi.

H

PERTUDUHAN

[3] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap Synenviro Sdn Bhd (perayu/responden) adalah seperti berikut:
I

> Bahawa kamu pada 19 Februari 2004 di Pejabat Unit Impot, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Pasir Gudang, Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor, didapati telah menerima buangan terjadual di bawah Kod N204, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 di dalam

kontena bernombor EMCU 3353420 dan UGMU8672697 tanpa mendapat apa-apa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 34B(4) Akta yang sama.

ALASAN RAYUAN

[4] Pendakwa raya sebagai perayu dalam Kes No 42H-28 Tahun 2010 telah mengemukakan alasan-alasan menyokong hujah bahawa perintah hukuman denda RM50,000 ke atas Synenviro Sdn Bhd sebagai responden adalah tidak setimpal seperti di bawah berikut:

(a) tuan hakim mahkamah sesyen telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila tidak menilai hukuman ke atas responden dengan sewajarnya;

(b) tuan hakim mahkamah sesyen telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam penilaian penentuan penghukuman ke atas responden;

(c) tuan hakim mahkamah sesyen telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memberikan perintah untuk Jabatan Alam Sekitar memberikan kerjasama kepada responden pada proses pelupusan sisa tanpa menjelaskan secara spesifik peruntukan yang digunapakai dan tahap kerjasama Jabatan Alam Sekitar kepada responden;

(d) tuan hakim mahkamah syesen telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menilai kesan sisa buangan tersebut kepada alam sekitar; dan

(e) tuan hakim mahkamah sesyen telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memberikan hukuman yang rendah kepada kesalahan yang dilakukan responden untuk dijadikan pengajaran kepada responden dan masyarakat.

[5] Synenviro Sdn Bhd sebagai perayu pula dalam rayuan balas No 42S-31 Tahun 2010 tidak puas hati dengan sabitan dan hukuman yang diputuskan oleh hakim, Mahkamah Sesyen Johor Bahru dan merayu terhadap keseluruhan keputusan tersebut atas alasan-alasan berikut:

(a) tuan hakim telah menyalahi undang-undang dan fakta apabila beliau memutuskan bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh;

(b) tuan hakim telah menyalahi undang-undang dan fakta apabila beliau tidak ambil kira atau tidak memberi perhatian yang mencukupi kepada fakta bahawa keterangan yang telahpun dikemukakan oleh pendakwaan tidak akan mencapai 'maximum evaluation';

(c) tuan hakim telah menyalahi undang-undang dan fakta apabila beliau tidak memberi perhatian ataupun perhatian yang mencukupi kepada kedudukan undang-undang yang membantu pembelaan;

(d) tuan hakim telah menyalahi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa pendakwaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pembelaan; dan

(e) tuan hakim telah menyalahi undang-undang dan fakta apabila hukuman yang dijatuhkan olehnya adalah terlalu tinggi.

PERBICANGAN ALASAN-ALASAN RAYUAN DI ATAS ITU

[6] Bagi memudahkan perbincangan berkait alasan-alasan rayuan ini maka mahkamah akan meneliti dan mengkaji akan merit rayuan balas No 42S-31 Tahun 2010 oleh pihak responden Sdn Bhd sebagai perayu terhadap keseluruhan keputusan kes tersebut terlebih dahulu dan diikuti dengan rayuan No 42H-28 Tahun 2010 oleh pendakwa raya terhadap hukuman yang dikenakan ke atas Synenviro Sdn Bhd sebagai responden pula.

RAYUAN BALAS NO 42S-31 TAHUN 2010

[7] Sepertimana yang tersedia maklum Syarikat Synenviro Sdn Bhd dituduh kerana melakukan kesalahan menerima buangan terjadual di bawah kod N204, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 di dalam kontena bernombor EMCU 3353420 dan UGMU 8672697 tanpa mendapat apa-apa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum di bawah s 34B(4) Akta yang sama.

[8] Pihak pendakwaan perlu membuktikan satu kes 'prima facie' di akhir kes pendakwaan. Di peringkat ini bagi kesalahan di bawah s 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 elemen-elemen yang perlu dibuktikan adalah seperti berikut:

(a) Synenviro Sdn Bhd telah menerima atau menyebabkan, atau membenarkan diterima 'buangan terjadual';

(b) 'Buangan terjadual' ini diimport ke dalam Malaysia;

(c) Barang diimport ialah 'buangan terjadual'; dan

(d) 'Buangan terjadual' ini diimport masuk ke Malaysia tanpa apa-apa kebenaran bertulis daripada ketua pengarah.

ELEMEN PERTAMA

[9] Borang Kastam 1 (P17), borang *container delivery note* (CDN) No

074208 (P18), borang *container delivery note* (CDN) No 074207 (P19) dan *bill of lading* (P20) dengan jelas dan konsisten menyatakan Pengimport atau *consignee* ialah Syarikat Synenviro Sdn Bhd. P17 melalui keterangan SP4 dan seterusnya P18, P19 serta P20 melalui keterangan SP7 dan SP8 telah juga mengesahkan fakta tersebut tanpa keraguan.

[10] Synenviro Sdn Bhd ialah 'legal person' sepertimana ditakrifkan di bawah Interpretation Acts 1948 dan 1967 iaitu suatu syarikat berdaftar melalui suatu perakuan di bawah s 90A Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM'). Berdasarkan Perakuan (P29) tersebut, Synenviro Sdn Bhd adalah satu syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965.

ELEMEN KEDUA

[11] Dengan adanya borang kastam 1 (P17), borang *container delivery note* (CDN) No 074208 (P18), borang *container delivery note* (CDN) No 074207 (P19) dan *bill of lading* (P20) yang merupakan dokumen import maka terbuktilah barangan dalam kontena bernombor EMCU 3355420 dan UGMU 8672697 telah dianggap diimport ke dalam Malaysia walaupun secara fizikalnya barangan tersebut masih ditempatkan di 'free zone'.

[12] Malahan SP1, SP4, SP9 dan SP11 serta pernyataan Allahyarham Encik Zam Zam (pemandu lori Agenda Wira Sdn Bhd) di bawah s 39A Akta 127 (P27) yang diterima masuk di bawah s 32(i) Akta Keterangan 1950 secara kumulatifnya telah mengesahkan bahawa kontena-kontena tersebut telah berada di dalam Malaysia.

[13] Keterangan SP9 dan rakaman percakapan Allahyarham Encik Zam Zam dalam pemeriksaan (P27) telah menunjukkan bahawa kontena-kontena tersebut telah berada di premis Agenda Wira Sdn Bhd pada 11 Julai 2004 setelah diarahkan oleh SP11 bagi memantau penghantaran kontena-kontena tersebut ke Unit Impot Kastam kemudiannya. SP9 juga telah menyatakan bahawa kedua-dua kontena yang telah dibawa keluar dari premis Agenda Wira Sdn Bhd itu adalah sebahagian daripada 81 kontena yang disyaki diimport oleh Synenviro Sdn Bhd. Fakta ini membuktikan bahawa kontena-kontena berkenaan tidak lagi berada di 'free zone'.

ELEMEN KETIGA

[14] Dibuktikan melalui keterangan dua saksi pakar iaitu Mr Wong Kok Fah (SP2) dan Dr Ahyar bin Idris (SP3).

[15] SP2 menerusi laporannya (P8) telah menyatakan bahawa *copper, nickel and iron are mentioned in the schedule of* Akta Kualiti Alam Sekeliling sepertimana di ms 21 rekod rayuan.

[16] Pemerhatian yang sama telah dinyatakan oleh SP3 menerusi laporannya (P12) seperti di perenggan 'V. Determining Factor' di ms 4 laporan tersebut dan juga di perenggan 'VI. Conclusions' di ms 5 laporan yang sama.

[17] SP2 dan SP3 adalah pakar dalam bidang masing-masing melebihi 25 tahun setiap seorang (SP2 mulai bidang kepakarannya sejak 1980 dan SP3 pula sejak 1983), yang mana jika digabungkan berjumlah kepada lebih daripada 50 tahun pengalaman.

[18] Dalam hal laporan SP3 iaitu P12 di ms 5 laporan tersebut dinyatakan bahawa kesimpulannya adalah berdasarkan 'working experience of over eight years and our various exposures types of industrial, toxic, hazardous, and chemical wastes at the Intergrated Scheduled waste Management Centre at Bukit Nanas, Port Dickson, Negeri Sembilan'.

[19] Oleh itu kesimpulannya keterangan kedua-dua SP2 dan SP3 bahawa kandungan kontena-kontena tersebut adalah barangan berjadual N204 harus diterima tanpa banyak soalan.

ELEMEN KEEMPAT

[20] Di peringkat pendakwaan ini tidak ada keterangan membuktikan penerimaan buangan terjadual oleh Synenviro Sdn Bhd di dalam kontena-kontena berkenaan mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

[21] Malahan SP11 selaku pegawai penyiasat telah mengesahkan dalam keterangannya bahawa Synenviro Sdn Bhd telah tidak diberi kebenaran untuk membawa masuk bahan berkenaan di bawah Akta.

[22] Berdasarkan keterangan-keterangan di atas maka mahkamah ini akur akan keputusan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan 'credible evidences' membuktikan 'each ingredient of an offence' dalam kes ini di bawah s 34B(1)(b) Akta 127.

[23] Walau bagaimanapun, persoalan penting yang dipertikaikan oleh perayu di dalam kes ini ialah:

> Is the offence (s 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974) concerned strict liability or is mens rea necessary.

[24] Mengenai perkara ini mahkamah merujuk kepada kes *Lim Chin Aik v Regina* [1963] 3 MLJ 50 ms 50 JCPC berkait peruntukan ss 6, 9 dan 57

Singapore Immigration Ordinance berhubung isu perlu atau tidak elemen pengetahuan dibuktikan adalah dipetik seperti berikut:

> In the event therefore, it is with the question whether a guilty mind is a necessary requisite for the establishment of an offence under the relevant section that their Lordships are alone concerned and, as Their Lordships have already observed, the question is one, as they venture to think, of substance and importance.

[25] Kesimpulannya dinyatakan di perenggan 'Held' seperti dinyatakan di bawah berikut:

> Held: The presumption is that mens rea or evil intention or knowledge of the wrongfulness of the act is an essential ingredient of every offence but that of the statute creating the offence or by the subject matter with which it deals and both must be considered. Observations of Wright J in *Sherras v de Rutzen* [1985] 1 QB 918 and Lord Du Parcq in *Srinivas Mall Bairolia v King Emperor* LLR 26 Patna 460 followed. In this case the application of the rule that mens rea is an essential ingredient of every offence has not been ousted by the terms or subject matter of the Ordinance and the appellant's conviction cannot stand.

[26] Perlu juga disini dirujuk kepada perkataan yang digunakan oleh Lord Goddard CJ dalam kes *Brend v Wood* 62 TLR 462 mengenai isu yang sama seperti berikut:

> It is in my opinion of the utmost importance for the protection of the liberty of the subject that a court should always bear in mind that unless a statute either clearly or by necessary implication rules out mens rea as a constituent part of a crime a defendant should not be found guilty of an offence against the criminal law unless he has got a guilty mind.

[27] Mahkamah perhatikan 'no where in the s 34B(1)(b) or the Act as a whole says that mens rea is not necessary and that the offences are strict liability'.

[28] Kalau dilihat daripada s 43(1) dan s 43(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sekalipun perkataan 'unless' diguna pakai 'which clearly indicates that mens rea is necessary and it has not been dispensed with'.

[29] Dalam kes ini sepatutnya 'directors who are officers of the company who stand as eyes and ears of it' dituduh bersekali dengan syarikat supaya peruntukan s 43(1) dan s 43(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 boleh diguna pakai 'to impute guilty knowledge on them while acting in such capacity be deemed to be guilty of that offence'. Malangnya dalam kes ini tiada seorang pun pengarah syarikat Synenviro Sdn Bhd dikenakan pertuduhan bersabit kesalahan di bawah s 34B(1)(b) Akta berkenaan. Namun begitu ianya

tidak bermakna pertuduhan tidak boleh diteruskan terhadap syarikat bersendirian kerana perkataan 'person' dalam s 34B(1)(b) Akta berkenaan ada ditakrifkan di dalam 'Interpretation Acts 1948 dan 1967' sebagai 'a body of person corporate or incorporate'.

[30] Jadi dalam keadaan di mana Synenviro Sdn Bhd dituduh bersendirian maka elemen 'mens rea' perlulah dibuktikan tetapi mestilah 'implicitly' melalui keterangan pengikraran oleh Synenviro Sdn Bhd sebagai pengimport atau consignee barangan di dalam borang kastam 1 (P17), borang *container delivery note* (CDN) No 074208 (P18), borang container delivery note (CDN) No 074207 (P19) dan *bill of lading* (P20). Prinsip ini telah diputuskan Brown Ag CJ in *Ho Seng Seng v Rex* [1951] MLJ 225 dalam perbincangan peruntukan s 37(d) Dangerous Drug Ordinance 1951 seperti berikut: 'I think that the element of knowledge is implicit in the word 'custody' and in the word 'control".

[31] Berdasarkan prinsip di atas maka mahkamah ini memutuskan adalah wajar diputuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes 'prima facie' sepertimana diperuntukkan di bawah s 180 Kanun Acara Jenayah dan juga ujian 'as encapsulated in the judgement of Hashim Yeop Sani FJ (as he then was) in *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232. Tetapi barang diingat rujukan juga perlu dibuat kepada kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 AMR 321 di ms 338 yang mana YA Augustine Paul JCA telah menyatakan, antara lainnya, seperti berikut:

> … A prima case is therefore one that is sufficient for the accussed to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

[32] Oleh kerana terdapat keterangan membuktikan semua elemen kesalahan termasuklah elemen knowledge implicitly' dalam kesemua dokumen pengimportan atas nama Synenviro Sdn Bhd maka hendaklah perayu disini dipanggil untuk mengemukakan pembelaan terhadap pertuduhan di bawah s 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

[33] Sungguhpun demikian beban untuk membuktikan kes adalah sepanjang masa di atas pendakwaan, sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Mohamed Radhi bin Yaacob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169:

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accussed for the offence with which he is charged. There is no similar

burden on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, he merely has to cast a reasonable doubt.

[34] Semasa pembelaan pihak perayu memanggil lima orang saksi. SD1 (salah seorang Pengarah Synenviro Sdn Bhd) memberi keterangan ada menerima tiga dokumen iaitu *bill of lading* (P20), *packaging list* (ID22) dan invoice (ID21) daripada SD5 (seorang lagi Pengarah Synenviro Sdn Bhd) yang mengaku Menerimanya daripada syarikat di Taiwan iaitu Hong Yu Technology yang tiada kaitan dengan Synenviro Sdn Bhd. Mengikut SD1 juga barangan diimport dari Taiwan melalui dua *forwarding agents* iaitu Southern Forward Trans dan Golden Star Logistics Sdn Bhd dan diikrar oleh mereka melalui dokumen Kastam iaitu borang akuan pengimpot (P17); *container delivery note* (P18 dan P19); *bill of lading* (P20); invoice (ID21) dan *packing list* (ID22) sebagai *copper oxide*.

[35] SD5 dalam keterangannya di ms 138 dan 139 rekod rayuan mengesahkan menerima dokumen P20, ID21 dan ID22 daripada Taiwan dan 'Synenviro Sdn Bhd do not know what was actually coming in from Taiwan'.

[36] SD2 pula selaku Pengarah Syarikat Southern Forward Trans, di ms 130 rekod rayuan, mengaku menjadi agen import kepada Synenviro Sdn Bhd dan mengisi Borang Kastam 1 berpandukan dokumen P20, ID21 dan ID22 yang berasal daripada Taiwan. Beliau menyatakan tidak mempunyai akses kepada isi kontena dan barang-barang itu telah pun melepasi Kastam.

[37] SD3 ialah eksekutif bertanggungjawab ke atas Golden Star Logistic yang dilantik oleh Synenviro Sdn Bhd bagi mengurus import barangan dari Taiwan. SD3 juga menyatakan (lihat ms 133, 134 dan 135 rekod rayuan) mengisi borang kastam K1 (P17) berdasarkan invois (ID21) dan *packing list* (ID22) dari pengimport dan code 2825.50 (D31A) untuk barangan copper oxide digunakan atas ketentuan Jabatan Kastam sendiri.

[38] Akhir sekali SD4 merupakan seorang Pembantu Penguasa Kastam, Cawangan Industri, Jabatan Kastam Johor Bahru mengesahkan ada menerima permohonan penjenisan daripada Synenviro Sdn Bhd pada 30 Julai 2003 berserta dokumen-dokumen sokongan daripada Nanyang Technological University iaitu:

(a) D32 — permohonan penjenisan barangan;

(b) D32A — *certificate of analysis;*

(c) D32B — *results of brick samples testing;*

(d) D32C — keputusan Jabatan Kastam; dan

(e) D32D — keputusan Jabatan Kastam.

D32C dan D32D keputusan ketentuan coding 2825.50 dibuat oleh Osman bin Muhd Jadi, bagi pihak Pengarah Kastam Negeri, Johor, Bahagian Perkhidmatan Teknik, (Cawangan Penjenisan) yang telahpun meninggal dunia (D33 — sijil kematian).

[39] Secara kumulatifnya kesemua saksi pembelaan daripada SD1 hinggalah SD5 tidak mempunyai pengetahuan ('mens rea') apa sebenarnya terkandung di dalam kontena bernombor EMCU 3353420 dan UGMU 8672697 yang datang daripada Taiwan dan lagipun pengimpotan barangan tersebut diuruskan oleh dua *forwarding agents* yang dilantik oleh Synenviro Sdn Bhd semata-mata bergantung kepada dokumen P20, ID21 dan ID22 yang dibekalkan oleh syarikat Hong Yu Technology juga daripada Taiwan.

[40] Jadi berdasarkan keterangan di atas itu kes pihak pembelaan bukanlah sewenang-wenangnya berkata kosong atau apa saja tetapi disokong oleh keterangan pengarah-pengarah syarikatnya SD1 dan SD5 dan saksi-saksi lain SD2, SD3 dan SD4 berserta dokumen-dokumen berkecuali lain yang jelas menunjukkan mereka ini memang 'naive' dan tidak mempunyai pengetahuan tentang jenis barangan yang diimpot daripada Taiwan tersebut adalah merupakan larangan terjadual.

[41] Oleh demikian mahkamah ini memutuskan kes pembelaan telah berjaya membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan dengan itu juga pendakwaan gagal membuktikan pada keseluruhannya satu kes melampaui keraguan munasabah terhadap Synenviro Sdn Bhd di bawah s 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

KEPUTUSAN

[42] Rayuan Synenviro Sdn Bhd (perayu) diterima dan sabitan serta hukuman denda sebanyak RM50,000 oleh tuan hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor ke atas perayu kerana kesalahan di bawah s 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan dihukum di bawah s 34B(4) Akta yang sama adalah diketepikan.

[43] Dengan demikian perayu adalah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan berkenaan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum